

03/09/2002

Alam sekitar asas utama pembangunan Pulau Tioman

Zainudin Isa

PULAU Tioman, Pahang secara rasmi menikmati status bebas cukai mulai kelmarin. Perisytiharan Tioman sebagai pulau bebas cukai diumumkan Perdana Menteri, awal Januari lalu, iaitu pulau ketiga yang diberi keistimewaan itu selepas Langkawi dan Labuan.

Seperti Langkawi dan Labuan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut mahukan Tioman menjadi pulau kebanggaan rakyat Malaysia yang dikagumi masyarakat seluruh dunia.

Tioman mempunyai keistimewaan tersendiri kepada Perdana Menteri yang dikatakan kerap bercuti di situ.

Penghulu Tioman, Mohd Nor Hidon, 49, berkata Dr Mahathir memang sering bercuti ke Tioman, tetapi kedatangannya tanpa diduga dan diketahui ramai.

"Tup-tup beliau sudah muncul di sini. Selalunya, PM akan berjalan kaki bersama seorang dua pengawal peribadinya dan singgah di kedai kopi, kedai cenderamata atau bersembang dengan orang Kampung Tekek.

"Sepanjang saya di sini, PM selalu datang secara senyap. Beliau lebih suka berbual dengan orang kampung kerana dari situ beliau tahu secara langsung apa masalah dan keperluan mereka di sini," katanya yang hampir lapan tahun berkhidmat di Tioman.

Malah, beliau faham benar setiap kali ada majlis besar di Kuala Lumpur atau luar negara yang akan dihadiri Dr Mahathir, Tiomanlah menjadi destinasi untuk bercuti sehari dua.

"Saya juga dapat tahu, Dr Mahathir suka memilih Tioman untuk berehat dan menulis teks ucapannya. Saya diberitahu ucapannya "Melayu Belum Selamat" ketika merasmikan Persidangan Agung Umno juga dikarangnya ketika bercuti di sini," katanya.

Begitu juga pada 17 dan 18 Ogos lalu, apabila kehadiran Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di pulau peranginan itu sekali lagi "memeranjatkan" ramai pihak, termasuk pegawai kerajaan, pemimpin politik negeri dan wartawan. (Kebetulan, Perdana Menteri pada petang Ahad itu berlepas ke Myanmar untuk lawatan rasmi selama dua hari).

Apa tidaknya, percutian peribadinya yang belayar dan bermalam di atas kapal peranginan "Lady Halimah" di sepanjang perairan Tioman kali ini agak istimewa kerana Tioman akan menjadi pulau bebas cukai ketiga selepas Langkawi dan Labuan, mulai 1 September lalu.

Ketika bertugas di Kangar, Perlis pada 1990 dulu pun, penulis berpengalaman turun naik feri membuat liputan di Langkawi yang ketika itu baru saja diangkat menjadi pulau bebas cukai.

Kehadiran Dr Mahathir di Tioman pertengahan bulan lalu sepatutnya untuk bercuti dan beristirahat, tetapi beliau tetap meluang masa singgah di beberapa tempat penting di Tioman.

Sewaktu di jeti Jabatan Laut di Kampung Tekek, Dr Mahathir melahirkan kebimbangannya kerana jeti dwi-fungsi iaitu menguruskan penumpang dan kargo itu bakal mencemari ekologi marin di sekelilingnya apabila lebih banyak feri dan kapal berlabuh.

Oleh itu, Perdana Menteri mahu sebuah jeti kargo berasingan dibina di Tioman bagi menampung kemasukan lebih banyak kargo berikutan bermula statusnya sebagai pulau bebas cukai.

Malah, sebelum berlepas pulang, Dr Mahathir sempat meninggalkan beberapa pesan mengenai perancangan yang perlu dibuat serta harapannya melihat Tioman turut menikmati limpahan pembangunan.

Ahli Parlimen Rompin, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis yang kebetulan

mengiringinya pada pagi sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, berkata Dr Mahathir amat prihatin terhadap penyediaan prasarana penting di pulau itu bagi menarik kunjungan pelancong.

"Antara yang diberitahu kepada saya ialah Kerajaan Pusat akan membesarkan lapangan terbang sedia ada bagi membolehkan pesawat lebih besar mendarat.

"Dr Mahathir juga mahu satu jalan mengeliling pulau dan menghubungi kampung kecil seperti Salang, Air Batang, Tekek, Paya, Genting, Mukut dan Juara dibina.

"Malah, Perdana Menteri mahu Tioman disediakan kemudahan marina yang terbaik bagi menarik kapal layar seluruh dunia berlabuh dan bercuti di sini," katanya.

Apa yang penting, mesej Dr Mahathir ialah beliau menekankan bahawa semua projek prasarana terbabit tetap mengambil kira kepentingan alam semula jadi Tioman yang menjadi aset pulau peranginan itu selama ini.

"Seperti mana Langkawi, Tioman juga memerlukan sentuhan dan idea Dr Mahathir. Jadi, kedatangan Perdana Menteri walaupun untuk bercuti, tetapi beliau mencurahkan idea untuk melihat pulau ini menarik di mata pelancong dan pelawat.

"Kita semua, termasuk penduduk Tioman bertuah kerana Dr Mahathir begitu prihatin terhadap masalah penduduk dan keperluan pembangunan di sini," katanya.

Pulau Tioman berkeluasan 35,000 kilometer persegi ini sebenarnya sudah lama memahat nama sebagai antara 10 pulau tercantik di dunia, setanding pulau pelancongan di Kepulauan Cook, Fiji, Guam, Maldives, Tahiti, Tonga dan Vanuatu.

Malah, di rantau Asia Tenggara, populariti Tioman seiring Pulau Phuket dan Ko Samui, di Thailand yang menerima jolokan pulau impian. Malah, Tioman juga dinobatkan dengan nama "Bali Hai of The South Pacific."

Hari ini, lebih 240,000 pelawat dan pelancong asing (statistik 2001) mengunjungi Tioman setiap tahun kerana keindahan alam semula jadinya serta flora dan fauna. Paling penting, keindahan pantainya dengan pasir berkilau memutih dengan khazanah alam marin yang mengagumkan.

Pulau yang terletak di Pelantar Sunda, di Laut China Selatan ini diklafikasikan sebagai kawasan "Eastern Belt" yang mempunyai ciri geologi rumit, khususnya kehadiran batu-batan volkanik dan plutonik (ciri gunung berapi).

Malah, mengikut kajian geologi saintifik, kebanyakan pentas dasar Tioman sangat dipengaruhi atau berasal daripada kejadian gunung berapi, plutonik dan lekapan batuan metamorfik.

Negeri Pahang bertuah kerana mempunyai Tioman yang kaya dengan pelbagai sumber semula jadi sebagai aset terpenting untuk kemajuan industri pelancongannya.

Malah, dengan status baru bebas cukai ini nanti, Tioman boleh menjadi pelengkap kepada pakej percutian yang merangkumi segala jenis persekitaran - daripada tanah tinggi yang dingin (Bukit Fraser, Genting Highlands), hutan tropika tebal (Taman Negara), tasik terbesar (Tasik Chini dan Bera) hingga ke pulau yang indah ini.

Justeru, seperti ditekankan dalam pewartaan Tioman sebagai pulau bebas cukai di Parlimen baru-baru ini, konsep pembangunannya amat berlainan dengan Langkawi dan Labuan.

Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman, Hashim Mat Tahir, berkata Tioman akan tetap mempertahankan ciri ekopelancongan dan keindahan alam sekitarnya.

"Maka, status bebas cukai itu cuma unsur nilai tambah bagi menarik lebih ramai pelancong ke pulau itu dan bukannya faktor terpenting berbanding Langkawi atau Labuan," katanya.

Justeru, katanya, projek pembangunan yang dirancang kelak tidak sekali-kali menggadaikan keindahan semula jadinya sebagai antara 10 pulau tercantik di dunia.

"Seperti yang ditetapkan dalam Pelan Induk Tioman, pembangunan pelancongan akan diurus secara harmoni dan sensitif kepada persekitarannya.

"Justeru, dalam membangunkan produk pelancongan, ia perlu dilakukan tanpa menjejaskan sistem ekologi uniknya yang menjadi aset utama Tioman di mata pelancong tempatan dan dunia," katanya.

Apa pun, dalam saat menuju limpahan pembangunan, 3,201 penduduk jati Tioman pastinya orang pertama yang akan mendapat limpahan manfaat status bebas cukai ini.

Mereka tidak sepatutnya rambang mata atau gelap duit apabila ada pihak berkemungkinan menawarkan jutaan ringgit untuk membeli sekeping tanah milik mereka. Khabarnya, jika 1970-an dulu harga sehektar tanah di Tioman hanya RM3,000 hingga RM5,000, kini mencecah RM300,000 dan terbaru, sebaik kerajaan mengumumkan status bebas cukainya, pemaaju dan broker tanah sedia menawarkan sehingga RM1 juta sehektar.

Bagi penduduk Tioman, mereka sepatutnya lebih bersedia mulai sekarang untuk terbabit secara langsung dalam apa juga bentuk program, projek dan peluang perniagaan yang sedang dan bakal dibawa di pulau itu.

Kita mahu mendengar akan ada orang kaya baru dan jutawan segera di Tioman, seperti Langkawi dulu. Tetapi, kita tidak mahu bersedih jika wang itu susut sekelip mata dek kelekaan mereka sendiri, sebaliknya mereka membuat pelaburan yang cekap dan bijaksana.